



19 Julai 2013
19 July 2013
P.U. (B) 297

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN AWAL NEGATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT *ELECTROLYTIC TINPLATE* YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA

NOTICE OF NEGATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO IMPORTS OF ELECTROLYTIC TINPLATE ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE REPUBLIC OF KOREA AND THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN AWAL NEGATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN
MENGENAI IMPORT *ELECTROLYTIC TINPLATE* YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA

(AD 01/13)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(2) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 11 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat suatu penentuan awal bahawa tiada margin lambakan di bawah subseksyen 23(1) Akta wujud berkenaan dengan *Electrolytic Tinplate* yang dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7210.12.200 (“dagangan subjek”) yang diekspor oleh syarikat-syarikat yang dinamakan berikut ke dalam Malaysia:

Pengeluar/Pengeksport	Negara
(i) Baoshan Iron & Steel Co., Ltd.	Republik Rakyat China
(ii) Zhongshan Zhongyue Tinplate Industrial Co., Ltd.	Republik Rakyat China
(iii) Shanghai Meishan Iron & Steel Co., Ltd.	Republik Rakyat China

Sebab bagi penentuan

2. Sebab bagi penentuan awal negatif adalah kerana harga eksport dagangan subjek yang diekspor oleh syarikat-syarikat tersebut ke dalam Malaysia melebihi nilai normalnya.

Penerusan penyiasatan

3. Menurut peraturan 11 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan akan meneruskan penyiasatan berhubung dengan dagangan subjek yang diekspor oleh syarikat-syarikat tersebut ke dalam Malaysia kerana Kerajaan berpendapat bahawa elemen yang perlu bagi pengenaan duti anti-lambakan mungkin didapati wujud jika penyiasatan diteruskan.